

Untuk Edaran Segera

SIARAN AKHBAR

18 Oktober 2023

Mengilhamkan generasi muda: Puteri Sultan Selangor, para pemimpin korporat serta pempengaruh menjadi guru sempena Minggu Teach For Malaysia

KUALA LUMPUR - Teach For Malaysia (TFM) mengalu-alukan para pemimpin dan pempengaruh penting ke sekolah-sekolah Orang Asli dan Orang Asal berkeperluan tinggi di sekitar Perak, Sarawak, Kuala Lumpur dan Selangor untuk mengalami sehari dalam kehidupan pendidik yang bekerja dengan masyarakat terpinggir. Antara peserta tahun ini termasuk Puteri Sultan Selangor Yang Amat Mulia Tengku Zatashah Sultan Sharafuddin Idris Shah, Timbalan Menteri Pendidikan, Inovasi dan Pembangunan Bakat Sarawak Datuk Francis Harden Hollis, Pengurus ECM Libra Group Dato' Seri Kalimullah Masheerul Hassan, pelakon dan penulis Fatimah Abu Bakar, pelakon Sharifah Amani, hos TV dan pencipta kandungan Hazeman Huzir, Miss World Malaysia 2018 Larissa Ping serta pelukis dan aktivis hak-hak Orang Asal Shaq Koyok.

Minggu TFM menghimpunkan para pemimpin dalam sektor korporat dan perkhidmatan awam serta pempengaruh dari pelbagai latar belakang untuk kembali ke bilik darjah sebagai rakan guru selama satu hari. Semua pemimpin bersama-sama membuat rancangan pengajaran berdasarkan mata pelajaran sekolah bersama seorang Felo TFM, Alumni TFM, atau Peserta Program Duta Guru¹, membawa dunia luar ke dalam bilik darjah dan mengajar di samping pendidik.

Latar belakang seorang kanak-kanak sering kali menentukan masa hadapannya. Menurut Kementerian Pendidikan Malaysia, pada tahun 2021, 42.29% murid Orang Asli tidak melengkapkan persekolahan hingga Tingkatan Lima. Selari dengan Rancangan Malaysia Kedua Belas (RMKe-12), yang menekankan pembangunan rakyat B40 dan Orang Asli, TFM melancarkan haluan baru bagi Program TFM iaitu Program TFM Sebagai Rakan Guru. Sepanjang dua tahun, Felo TFM ditempatkan di sekolah-sekolah majoriti Orang Asli atau Orang Asal di Perak dan Sarawak sebagai Rakan Guru.

Minggu TFM berperanan besar untuk meningkatkan kesedaran tentang kepentingan usaha kolektif dalam memperkuuh pendidikan bagi generasi akan datang.

Yang Amat Mulia Tunku Ali Redhauddin ibni Tuanku Muhriz, Pengurus, Pengasas dan Ahli Lembaga Pemegang Amanah TFM berkongsi, "Semasa Minggu TFM berlangsung, kami menjemput para pemimpin merentasi pelbagai bidang ke dalam persekitaran sekolah, membolehkan mereka melihat sendiri cabaran dan peluang yang dihadapi dalam bilik darjah berkeperluan tinggi. Walaupun mereka hanya mengajar untuk satu hari, pengalaman ini membolehkan para pemimpin menghayati dan memahami apa yang diperlukan untuk memimpin bilik darjah dan dengan itu membuka ruang kepada peluang kolaborasi untuk memperkasakan pendidikan di Malaysia."

Sejak 2012, 260 pemimpin berinspirasi termasuk Tan Sri Datuk Wira Azman Mokhtar, Aireen Omar, Tan Sri Jeffrey Cheah, Professor Datuk Jimmy Choo dan Puan Sri Tiara Jacqueline telah menyertai Minggu TFM. Keseluruhannya, peserta-peserta Minggu TFM telah memberi inspirasi kepada lebih 7,800 murid merentas 10 negeri. Tahun ini merupakan kali pertama Minggu TFM berlangsung di sekolah Orang Asli dan Orang Asal.

Tengku Zatashah juga berkongsi, "Saya amat bangga menjadi sebahagian daripada Minggu TFM, untuk merasai sendiri pengalaman itu, datang ke sekolah ini dan berinteraksi dengan Alumni Teach For Malaysia, membuat rancangan pengajaran dan bekerjasama dengan pelajar. Mereka

¹ TFM ialah rakan pelaksana bagi Program Duta Guru (PDG), sebuah program yang melatih dan membimbing guru STEM di sekolah awam seluruh Malaysia selama dua tahun.

mengangkat tangan dengan sukarela untuk menjawab soalan saya. Saya sangat terharu dengan sambutan mesra pada hari ini."

Teach For Malaysia sedang merekrut Kohort ke-12 bagi **Program TFM**, sebuah Program Pembangunan Kepimpinan yang telah memenangi anugerah. Program TFM menawarkan peluang unik bagi rakyat Malaysia yang bersemangat mentransformasikan pendidikan untuk menjadi Rakan Guru selama dua tahun di sekolah berkeperluan tinggi. Fello TFM bekerjasama rapat dengan komuniti tempatan untuk memahami akar umbi ketidaksamaan dan bersama-sama membentuk inisiatif melangkaui bilik darjah untuk memenuhi keperluan komuniti.

Tunku Ali juga berkongsi, "Program TFM fokus kepada graduan dan belia profesional. Pendedahan ini memberi peluang kepimpinan di peringkat awal kerjaya mereka. Selama dua tahun, para Felo TFM mengajar di sekolah, berkhidmat sebagai seorang guru akademik di samping mengambil bahagian secara aktif bersama komuniti setempat. Ini adalah peluang yang bagus. Felo TFM semestinya mendapat manfaat, murid-murid dan sistem pendidikan juga akan mendapat manfaat daripada Program TFM."

Untuk maklumat lanjut, layari <https://teachformalaysia.org/fellowship>. Pendaftaran kini dibuka sehingga 18 Oktober 2023.

Appendix



Dari kiri (individu yang ke-11): Cikgu Aufa Muhammad Radzi (TFM Alumni), Tengku Zatashah, Tunku Ali, Puan Hjh Rubi'ah Binti Hayat (Pengetua) dan Zahirah Zulkifly (Pengarah Program TFM)

Nota buat penyunting

Teach For Malaysia (TFM) merupakan sebuah organisasi bebas yang bukan berdasarkan keuntungan. TFM mempunyai misi agar setiap anak Malaysia akan berpeluang mencapai potensi diri melalui pendidikan berkualiti. TFM bekerjasama dengan Kementerian Pendidikan Malaysia untuk mencapai



sekolah-sekolah awam berkeperluan tinggi. TFM merupakan sebahagian daripada 60 rakan rangkaian pendidikan global berprestij, Teach For All.

Sejak 2012, Teach For Malaysia telah membina sebuah gerakan transformasi dalam sistem pendidikan dengan menempatkan graduan dan belia profesional yang berpotensi tinggi sebagai guru sepenuh masa di sekolah-sekolah berkeperluan tinggi di Malaysia untuk membanteras ketidaksamaan pendidikan melalui program andalan kami, Felo TFM. Pada tahun 2020, TFM telah meluaskan usaha kami untuk turut melatih dan membimbing guru-guru STEM yang sedang berkhidmat di sekolah melalui Program Duta Guru (PDG) yang berjalan selama dua tahun.

Teach For Malaysia adalah penerima Anugerah Merdeka (Merdeka Awards) 2022 dalam kategori Pendidikan dan Komuniti. Anugerah Merdeka merupakan sebuah anugerah prestasi ulung Malaysia yang diasaskan oleh PETRONAS, ExxonMobil, dan Shell pada tahun 2007.

Sejak pelancaran kami pada tahun 2012, gerakan kami kini terdiri daripada 1481 orang Felo, peserta PDG dan Alumni dan telah membawa impak kepada seramai 332,337 orang murid di 946 buah sekolah di seluruh Malaysia.

Untuk maklumat lanjut, sila hubungi:

Felicia Tan

Pengurus Pemasaran

Teach For Malaysia

Tel: +6017 3711 571

Emel: felicia.tan@teachformalaysia.org

Laman web: www.teachformalaysia.org

Twitter: <https://twitter.com/teachformsia>

Facebook: <https://www.facebook.com/teachformalaysia>

Instagram: <https://www.instagram.com/teachformsia/>

- Dokumen tamat -